

Waspada Dalam Melonggarkan Sekatan

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) secara amnya mengalu-alukan semakan semula langkah kawalan COVID-19 bermula 1 Mei 2022. Namun kami ingin menyeru Rakyat dan kerajaan untuk terus berwaspada. Kami menyambut baik pendekatan beransur-ansur dalam menyemak semula mandat pemakaian pelitup muka di kawasan terbuka sambil mengekalkan mandat tersebut di kawasan tertutup dan ketika menggunakan pengangkutan awam termasuk kenderaan *e-hailing*.

Kami menyarankan untuk:

1. Melaksanakan kelonggaran mandat pelitup muka di kawasan terbuka dengan berhati-hati

Sejurus selepas kelonggaran diberikan terhadap sekatan COVID-19 termasuk penghapusan mandat pelitup muka di [Amerika Syarikat](#) dan [United Kingdom](#), bilangan pesakit yang dimasukkan ke hospital telah meningkat, dengan kadar kematian yang tinggi. Di samping itu, hanya [43%](#) kanak-kanak di Malaysia berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin; dan masih tiada vaksinasi bagi kanak-kanak berumur bawah 5 tahun. Justeru, kanak-kanak berisiko dijangkiti COVID yang lebih teruk dan kita perlu melindungi golongan rentan ini. Oleh yang demikian, mandat pelitup muka di kawasan terbuka dilaksanakan dengan berhati-hati.

2. Memperkasa peranan masyarakat, terutamanya ujian sendiri

Selaras dengan kelonggaran yang diberikan, kerajaan perlu terus memberi tumpuan untuk mendidik orang ramai, terutamanya mengenai laporan keputusan ujian sendiri untuk memastikan semua keputusan dilaporkan. Pada masa yang sama, Rakyat Malaysia mesti memainkan peranan sebagai rakyat yang bertanggungjawab dengan melaporkan semua keputusan ujian sendiri melalui MySejahtera dan menjalani kuarantin di rumah sekiranya [status](#) profil MySejahtera menunjukkan risiko tinggi atau telah menerima arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah.

3. Mempertimbang semula dasar kelonggaran sekiranya keadaan berubah

Kelonggaran sekatan bermula 1 Mei 2022 boleh dianggap sesuai selagi keputusan dibuat berdasarkan bukti yang kukuh. Walau bagaimanapun, keputusan ini harus dipertimbang semula sekiranya keadaan epidemiologi, virologi atau kesihatan awam berubah. Secara khususnya, dasar Ujian dan Pelepasan ("Test and Release") yang membenarkan penamatan kuarantin pada hari ke-4 jika ujian RTK Antigen yang diselai pengamal perubatan didapati negatif mungkin perlu dipertimbang semula. Selaras dengan kenyataan bersama kami pada [10 Februari 2022](#), kami ingin menekankan keperluan untuk meningkatkan kapasiti penjujukan genomik bagi mengesan varian baru.

Memandangkan Malaysia masih berada di fasa peralihan ke endemik (dan belum lagi fasa endemik), kita perlu terus mendidik Rakyat Malaysia bahawa COVID-19 masih merupakan ancaman kepada kesihatan awam Rakyat.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

1 Mei 2022

Senarai tandatangan penuh:

Organisasi

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
5. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
6. Malaysian Association of Clinical Biochemists
7. Malaysian Association of Environmental Health
8. Malaysian Coalition on Aging
9. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
10. Malaysian Nurses Association
11. Malaysian Pharmacists Society
12. Malaysian Society of Anaesthesiologists
13. Malaysian Society of Clinical Psychology
14. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
15. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
16. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
17. Perinatal Society of Malaysia
18. Public Health Malaysia

Individu

1. Dato' Dr Amar Singh-HSS
2. Dr Khor Swee Kheng
3. Prof Dr Asri Said
4. Prof Dr Roslina Abdul Manap
5. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy

Diselaraskan oleh: Dr Sean Thum, Chen Fan Jie

Diterjemahkan oleh: Dr Nur Nabila Nasharuddin, Ahmad Aizat Zaini